

26/02/2001

Empat jihad pegangan Malaysia

Mahfar Ali in Kaherah

KAHERAH, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini menggariskan empat perjuangan mutakhir umat Islam yang disifatkan sebagai jihad terbaik yang sentiasa menjadi pegangan Malaysia.

Perjuangan itu ialah menguasai ilmu pengetahuan, mencari kemakmuran, meningkatkan pembangunan dan menghapuskan kemiskinan serta meningkatkan penyertaan bermakna dalam ekonomi global.

Berucap pada Sidang Kemuncak Ketiga Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8) di Istana Presiden di sini, Timbalan Perdana Menteri berkata, umat Islam dianggap tidak melakukan sesuatu yang besar jika gagal bersaing dalam ekonomi baru dunia.

Beliau berkata, Islam hanya dapat berkembang jika umatnya mampu memelihara keamanan dan kemakmuran dalam negara serta berjaya dalam pentas antarabangsa.

Sehubungan itu, beliau menyarankan kerjasama pembangunan D8 mengenal pasti program yang dapat meningkatkan ketahanan diri untuk memastikan negara dan rakyatnya tidak dieksploitasi.

"Sebagai negara Islam membangun, kita mesti fokuskan usaha untuk membaiki kualiti kehidupan ummah," katanya pada sidang yang dirasmikan Presiden Mesir, Husni Mubarak.

Selain Malaysia dan tuan rumah, Mesir, D8 turut dianggotai Indonesia, Pakistan, Bangladesh, Iran, Turki, dan Nigeria. Semua lapan negara berkenaan juga menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Kumpulan itu yang ditubuhkan di Istanbul, Turki empat tahun lalu menjadikan kerjasama ekonomi dan perdagangan serta pembangunan ummah sebagai fokus pakatannya.

Sidang kemuncak pertama D8 diadakan di Turki pada 1997 dan kedua di Dhaka, Bangladesh pada 1999. Kedua-dua sidang itu dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah dalam ucapannya berkata, Dr Mahathir terkilang kerana tidak dapat hadir sidang kali ini, tetapi Perdana Menteri berharap pertemuan ketiga ketua-ketua negara D8 di sini, akan memperoleh kejayaan besar.

"Bagi Malaysia, kita akan terus memainkan peranan mengikut kemampuan kita dengan berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam sektor insurans Islam," katanya.

Dalam hubungan ini, katanya, Malaysia dengan jayanya sudah mengadakan bengkel untuk menggariskan modus operandi dan formula strategik bagi meningkatkan takaful dan takaful semula.

Beliau turut menyentuh isu globalisasi, pembaharuan rangka kewangan antarabangsa, perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ITC) serta peranan sektor swasta dalam kerjasama D8.

Bercakap kepada wartawan Malaysia, Abdullah mengulangi komitmen Malaysia dan yakin negara lain dalam D8 masih berminat meneruskan kerjasama menerusi kumpulan itu.

Beliau yakin Malaysia mampu memberi sumbangan untuk menjadikan kumpulan kecil dari OIC ini sebagai contoh kerjasama yang berkesan.

(END)